

# PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM BERFATWA: ANTARA KETERIKATAN LITERALIS DENGAN KELONGGA- RAN LIBERALIS

*Noor Naemah Abdul Rahman*

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail: abdulrahman23@yahoo.com

*Mohd Anuar Ramli*

Jabatan Fiqh dan Ushul, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail: ramli\_amar@gmail.com

*Mohammad Naqib bin Hamdan*

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail: naqib\_hamdan@yahoo.com

**Abstract:** In today's era of scientific advancement and technology, many novel issues have arisen, which are categorized as contemporary Islamic jurisprudence. The rulings of such issues require a collective ijihad approach, in accordance with the current context to ensure the human well-being. Accordingly, this article discusses the approaches of fatwa. Fundamentally, there are a variety of approaches between the two factions of thought, namely strictness approach and looseness approach. However, between both contradicting approaches, has emerged a medium known as wasatiyyah approach in issuing fatwas. This approach significantly provides the reasonable solution to set fatwa free from any inclination of being too tight or being too loose and never to deviate from the objectives of Sharia.

**Keywords:** fatwa, ijihad, contemporary fiqh, wasatiyyah, maqasid shariah.

**Abstrak:** Dalam era saat ini kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, banyak masalah baru muncul, yang dikategorikan sebagai hukum Islam kontemporer. Putusan dari isu-isu tersebut memerlukan pendekatan ijihad kolektif, sesuai dengan konteks saat ini untuk memastikan kesejahteraan manusia. Dengan demikian, artikel ini membahas pendekatan fatwa. Pada dasarnya, ada berbagai pendekatan antara dua faksi pemikiran, pendekatan yaitu ketegasan dan pendekatan kelonggaran. Namun, antara kedua pendekatan bertentangan, telah muncul media yang dikenal sebagai pendekatan wasatiyyah dalam mengeluarkan fatwa. Pendekatan ini secara signifikan memberikan solusi yang masuk akal untuk mengatur fatwa bebas dari kecenderungan menjadi terlalu ketat atau terlalu longgar dan tidak pernah menyimpang dari tujuan syariah.

**Kata kunci:** fatwa, ijihad, fiqh kontemporer, wasatiyyah, syariah maqasid.

## Pendahuluan

syara' berpandukan nas-nas<sup>1</sup> sebagai jawapan

Fatwa adalah satu proses menjelaskan hukum

1 Ahmad bin Hamdan al-Harrani al-Hanbali, *Sifah al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*, Muham-

kepada orang yang bertanya,<sup>2</sup> tetapi ia tidak mengikat pihak yang bertanya.<sup>3</sup> Memberi fatwa hukumnya adalah *fardu kifayah*<sup>4</sup> dan wajib ke atas sesiapa yang berkelayakan jika tiada pihak lain yang berkelayakan melainkan dirinya<sup>5</sup>. Nabi SAW ada bersabda bahawa:

من سُئلَ عَنْ عِلْمٍ ثُمَّ كَفَهُ ، أَلْجَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامِ النَّارِ

Siapa yang ditanya tentang sesuatu perkara kemudian dia menyembunyikannya, dia akan dirantai (dimasukkan) dengan api neraka pada Hari Kiamat.<sup>6</sup>

Justru setiap komuniti muslim perlu mempunyai pakar rujuk yang mampu memberikan fatwa dan jawapan bagi setiap soalan yang berbangkit. Malah, ada sebahagian fuqaha' Shafi'iyyah yang meletakkan jarak tertentu bagi keperluan wujudnya seorang mufti<sup>7</sup> walaupun ia mungkin sudah tidak praktikal lagi dengan situasi hari ini yang memung-

mad Nasir al-Din al-Albani (ed.), (*Damsyiq: al-Maktab al-Islami*, 1380 H), hlm. 4.

- 2 Yusuf al-Qaradawi, *al-Fatwa: Bayn al-Indibat wa al-Tasayyub* (Kaherah: Dar al-Sahwah, 1408 H/1988 M), hlm. 11.
- 3 Muhammad al-Zuhayli, *Tanzim al-Fatwa: Ahkamahu wa Aliyatuhu*, (t.tp: tt), hlm. 7.
- 4 Ahmad bin Hamdan al-Harrani al-Hanbali, *Op. Cit.*, hlm. 6.
- 5 Badr al-Din Muhammad bin Bahadir bin 'Abdullah al-Shafi'i, *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, Abd al-Sattar Abu Ghuddah (ed.), (Kaherah: Dar al-Safwah, 1413 H/1992 M), Juz. 6, hlm. 311.
- 6 Hadis diriwayat oleh al-Tirmidhi di dalam *Kitab al-'Ilm 'an Rasulillah SAW, Bab Ma Ja'a fi Kitman al-'Ilm*, No. hadis 2649; dan Ibn Majah, di dalam *al-Muqaddimah, Bab Man Su'ila 'an 'Ilm Fakatamahu*, No. hadis 264. al-Albani mengatakan bahawa hadis ini *sahih*. Dan lihat al-Hafiz Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Muhammad Nasir al-Din al-Albani (ed.), (Riyad: Maktabah al-Ma'arif, 1417 H), hlm. 597.
- 7 Kementerian Wakaf Kuwait, *Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dar al-Safwah, 1415 H/1995 M), Juz. 32, hlm. 22.

kinkan komunikasi berlaku dengan pantas dan tanpa sempadan.

Melihat dari sudut pendekatan pula, terdapat pelbagai bentuk pendekatan berfatwa dalam menangani permasalahan atau isu baharu. Pendekatan yang dibincangkan hari ini bukan merupakan perkara baru namun sudah wujud sejak lama. Pada fuqaha' lampau sudah menggunakan pendekatan ini dalam berfatwa.

Dalam penulisan mengenai fatwa, sewaktu membincangkan pendekatan yang biasa diambil oleh para ulama dalam berfatwa disebutkan, terdapat tiga pendekatan yang lazimnya menjadi pegangan para ulama; iaitu pendekatan yang rigid dan keras, pendekatan mengambil ringan dan mudah, dan pendekatan wasatiyyah (sederhana). Kajian ini akan membincangkan ketiga-tiga jenis pendekatan tersebut, dengan melihat faktor yang menyebabkan timbulnya pendekatan ini dan bagaimana cara memurnikannya.

### Pendekatan yang Rigid dan Keras

Pendekatan yang rigid dan keras adalah satu pendekatan yang hanya melihat kepada nas-nas *juz'iyyah* dan memahami nas secara literal tanpa melihat kepada roh sebenar sesuatu syariat. Kebiasaannya, pendekatan ini didokongi oleh golongan neo-literalis yang terpengaruh dengan sebahagian pendapat *fuqaha'* klasik yang tidak menerima *ta'lil ahkam* atau *al-qiyas*.

Ia berbeza dengan roh agama Islam yang terbina di atas prinsip memudahkan (*al-Taysir*) dan mengangkat kesulitan (*Raf' al-Haraj*). Prinsip boleh dilihat melalui nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah, sama ada yang bersifat umum atau khusus kepada mana-mana hukum fiqh tertentu. Sebagai contoh, apa yang disebutkan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an selepas

menjelaskan golongan yang dibenarkan untuk berbuka puasa pada bulan Ramadan, yang artinya: “Allah SWT inginkan kesenangan untuk kamu, dan Dia tidak inginkan kesulitan untuk kamu”.<sup>8</sup>

Al-Shawkani telah membuat komentar mengenai ayat ini. Menurutnya ayat ini menunjukkan bahawa ia (prinsip *taysir* dan *raf' al-haraj*) adalah salah satu maqasid syara' dan kehendak Allah SWT dalam setiap urusan agama Islam. Nabi SAW juga sentiasa menyuruh untuk memudahkan dan menegah dari menyusahkan.<sup>9</sup>

Begitu juga dengan pesanan Nabi SAW kepada dua orang utusannya yang akan diantar ke Yaman, iaitu Muadh bin Jabal dan Abu Musa al-Ash'ari. Sabda Nabi SAW:

بَشِّرَا وَلَا تُعَسِّرَا ، بَشِّرَا وَلَا تُنَفِّرَا

Hendaklah kamu berdua memudahkan dan tidak menyusahkan, dan sentiasa memberikan berita gembira, bukan berita yang boleh milarikan manusia (dari kamu).<sup>10</sup>

Namun, prinsip ini tidak boleh difahami dengan begitu terbuka dan mutlak kerana terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan meskipun didalamnya terdapat kesukaran yang tinggi dan berat, khususnya pada perkara-

8 al-Baqarah (2): 185.

9 Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shawkani, *Fath al-Qadir*, Yusuf al-Ghush (ed.), (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1428 H/2007 M), hlm.118.

10 Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab al-Adab, Bab Qawl al-Nabi "Yassiru wa la Tu'assiru wa Kana Yuhibbu al-Takhfif wa al-Tasarri 'ala al-Nas*, No. hadis 6124; dan Muslim di dalam *Kitab al-Jihad, Bab al-Amr bin al-Taysir wa Tark al-Tanfir*, No. hadis 829. Dan lihat Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW (Sahih Muslim)*, Abu Qutaybah Nazr Muhammad al-Fariyabi (ed.), (Riyad: Dar Tayyibah, 1427 H/2006 M), hlm. 829.

ra menyentuh pokok persoalan dalam agama (*Usul al-Din*) atau perkara yang bersifat tetap dan tidak berubah (*al-Thawabit*). Ibn Hajar al-'Asqalani sewaktu berdiskusi tentang hal ini telah menulkilkan pendapat sebahagian ulama' seperti Ibn Jarir al-Tabari bahawa, prinsip ini hanya dihadkan pada perkara sunat dan keadaan dimana berlakunya pertembungan antara dua mudarat<sup>11</sup>.

Mengambil semangat di atas, maka pendekatan keras dan rigid yang didokong oleh kelompok literalis ini bertentangan dengan prinsip Islam. Malah, ia boleh membawa lebih banyak keburukan berbanding kebaikan kerana Islam akan dilihat terlalu ketat dan sulit. Pendekatan keras ini sebenarnya adalah manifestasi daripada beberapa amalan yang dipegang oleh golongan ini seperti:

#### ***Berpegang kuat dengan zahir nass (neo-literalis/zahiriyyah)***

Berpegang dengan zahir nass merupakan satu perkara asas yang sepatutnya menjadi pertimbangan dalam beramal dengannya. Namun begitu, terdapat beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa dengan hanya memegang maksud zahir nas secara rigid akan menyebabkan terabainya penghayatan maqasid shari'ah secara tepat, malah boleh membawa pertentangan antara kedua-duanya. Dr. Yusuf al-Qaradawi menggelar golongan seperti ini sebagai *neo-literalis (zahiriyyah al-judud)*<sup>12</sup>. Menurut beliau golongan ini hanya sibuk mempelajari hadith tanpa cuba memahamin-

11 Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, Abd al-Qadir Shaybah al-Hamid (ed.), (Riyad: t.p., 1421 H/2001 M), Juz.10, hlm. 542.

12 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad fi al-Shari'ah al-Islamiyyah ma 'a Nazarat Tahliliyyah fi al-Ijtihad al-Mu'asir* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1417 H/1996 M), hlm. 175.

ya melalui kaedah fiqh, *usul fiqh*, maqasid shari‘ah dan mendalami ‘illah bagi setiap nas yang ada<sup>13</sup>. Dengan pegangan ini mereka tidak menerima kaedah bahawa sesuatu hukum atau fatwa boleh berubah dengan perubahan masa, tempat dan keadaan<sup>14</sup>.

Contoh yang paling jelas menggambarkan kedudukan ini ialah apabila mereka tidak membenarkan pembayaran zakat fitrah dengan nilai atau wang ringgit<sup>15</sup>. Hujah mereka, inilah (bayaran dengan ‘ayn/zat barang) apa yang telah dilakukan oleh Nabi SAW. Oleh itu hujah akal tidak bersesuaian untuk dipegang apabila berhadapan dengan apa yang dilakukan baginda<sup>16</sup>. Hakikatnya, jika diperhalusi pendapat ini, mereka seolah-olah telah menolak ruh dan spirit pensyariatan zakat itu sendiri. Ini kerana, tindakan Nabi saw yang mengutip zakat berdasarkan makanan ruji pada zamananya kerana pada waktu itu ia sukar didapati dan lebih berharga berbanding wang ringgit. Namun, pada zaman kini, makanan ruji sangat mudah didapati dan keperluan hidup sudah semakin berbeza dan bertambah. Malah, pembeiran zakat dengan nilai wang ringgit kepada asnaf menjadi lebih berkesan bagi mencapai rahsia pensyariatan zakat berbanding pembeiran makanan ruji kerana dengan wang ringgit mereka boleh memenuhi keperluan mereka dengan lebih tepat<sup>17</sup>.

13 Yusuf al-Qaradawi, *Kayfa Nata‘amal ma‘a al-Sunnah*, (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2008 M), hlm. 155-156.

14 Muhammad Mustafa al-Zuhayli, *al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuhu fī al-Madhahib al-‘Arbi‘ah*, (Damshiq: Dar al-Fikr, 1430 H/2009 M), Juz. 1, hlm. 353.

15 Ia adalah pendapat dari Mazhab Maliki, Shafi‘i dan Hanbali. Dan lihat Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakah*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1393 H/1973 M), hlm. 799-808.

16 Kementerian Wakaf Kuwait, *Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah*, Op. Cit., hlm. 344-345.

17 Yusuf al-Qaradawi, *Kayfa Nata‘amal*, Op. Cit.,

Namun begitu, bentuk pemikiran secara literalis ini bukan fenomena baru, bahkan amalannya telah lama wujud sejak zaman hayatnya Nabi SAW lagi. Antara contoh terawal bagaimana para sahabat memahami nas berdasarkan pemahaman zahirnya sahaja adalah ketika mana Nabi SAW menghantar tenteranya ke perkampungan Bani Qurayzah. Nabi SAW telah berkata kepada mereka: Janganlah kamu solat ‘Asar melainkan di perkampungan Bani Qurayzah<sup>18</sup>. Sewaktu mereka masih di dalam perjalanan dan waktu asar telah tiba, maka sebahagian daripada mereka bersolat ‘Asar pada waktunya dan bakinya tunggu untuk bersolat setelah mereka sampai ke perkampungan Bani Qurayzah. Bilamana perkara ini diajukan kepada Nabi SAW bagi menentukan perbuatan manakah yang tepat, Baginda telah memperakui tindakan kedua-dua mereka.

Sebahagian ulama seperti Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah membincangkan perkara ini dan mengatakan bahawa keputusan yang dibuat oleh pihak yang bersolat pada waktunya adalah lebih tepat kerana ia bertepatan dengan maqasid dari tujuan arahan Nabi SAW itu, bukan sekadar dari zahirnya sahaja. Malah, mereka juga mendapat dua fadilat<sup>19</sup>

hlm. 155-157.

18 Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab al-Maghazi*, Bab Marja‘ al-Nabi SAW min al-Ahzab wa Makhrajihi ila Bani Quraizah wa Muhasaratihi Iyyahum, No. hadis 4119; dan Muslim di dalam *Kitab al-Jihad wa al-Sair*, Bab Man Lazimahu Amr fa Dakhala ‘Alihi Amr Akhar; No. hadis 1770, dari Ibn ‘Umar. Di dalam *Sahih Muslim*, lafaz yang digunakan adalah solat Zohor, bukannya ‘Asar walaupun mereka berdua meriwayatkan hadis ini dari shaikh yang sama. Lihat: al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Op. Cit., Juz. 3, hlm. 119; Muslim, Op.Cit.,hlm. 848

19 Yaitu fadhilah shalat pada waktunya (firman Al-lah SWT) dan fadhilah menunaikan sabda Nabi SAW supaya pergi ke Bani Quraizah.

berbanding pihak yang satu lagi<sup>20</sup>.

### **Berlebih-lebih dalam Menutup Pintu Kerosakan (Sadd Dhara'i) dan Terlampaui Berhati-hati dalam Setiap Perbedaan (Phobia)**

Prinsip ‘menutup pintu kerosakan’ adalah diperakui oleh syara’ demi mengelakkan dari pada ditimpa kerosakan. Ia boleh dilihat dalam banyak nas syara’. Antaranya, firman Allah SWT:

Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang mereka sembah selain dari Allah SWT, kerana kelak mereka akan mencerca Allah secara melampaui batas dan tanpa pengetahuan.<sup>21</sup>

Al-Qurtubi ketika menguraikan ayat ini menyebutkan bahawa, ayat ini menunjukkan kewajipan untuk menjadikan prinsip ‘menutup pintu kerosakan’ sebagai salah satu dari panduan hukum<sup>22</sup>. Begitu juga dengan Ibn Qayyim al-Jawzi yang menekankan perkara yang sama. Menurut beliau:

Apabila Allah SWT mengharamkan sesuatu yang didapati banyak jalan dan cara yang boleh menyebabkan perkara tersebut dilakukan, maka dia akan mengharamkan juga jalan tersebut bagi memastikan pengharaman perkara asal tadi berfungsi sepenuhnya. Jika jalan-jalan ini dibenarkan, maka ia akan bertentangan dengan pengharaman yang dikenakan kepada perkara asal tersebut.<sup>23</sup>

20 Ibn Qayyim, *Zad al-Ma‘ad*, Op. Cit., hlm. 118-120.

21 al-An‘am (6): 108.

22 Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur‘an (Tafsir al-Qurtubi)*, ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki, et.al, (ed.), (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1427 H/2006 M), Juz. 8, hlm. 492.

23 Abi ‘Abdillah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub (Ibn Qayyim al-Jawziyyah), *I‘lam al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Alamin*, Abu ‘Ubayah Mashhur bin Hasan Ali Sulayman et.al, (Damam: Dar Ibn Jawzi, 1423 H), Juz. 4, hlm. 553.

Antara contoh sikap mereka yang terlalu berlebih-lebihan dalam menutup pintu kerosakan adalah pengharaman semua jenis gambar, sama ada ia diambil menggunakan kamera biasa, kamera video atau yang dipancarkan melalui televisyen atau pawagam<sup>24</sup>. Hujah yang digunakan adalah larangan Nabi SAW di dalam hadisnya:

إِنَّ أَشَدَ النَّاسَ عَذَابًا عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْمُصَوَّرُونَ

Sesungguhnya manusia yang akan menerima azab yang paling berat pada Hari Kiamat nanti adalah *al-musawwirun* (orang yang mengambil gambar).<sup>25</sup>

Menurut mereka, Nabi SAW telah melarang perbuatan mengambil gambar kerana ia menyerupai ciptaan Allah SWT dan boleh membawa kepada syirik. Hakikatnya, mereka telah salah dalam memahami konsep fotografi yang sebenarnya kerana kamera dan televisyen hanyalah sebagai alat, tidak lebih dari itu.<sup>26</sup> Jika mereka memahami perkara ini dengan tepat, maka tidak akan ada fatwa seperti ini dikeluarkan.<sup>27</sup>

Ini kerana, maksud sebenar *al-musawwirun* dalam hadis tersebut bukanlah ‘orang yang mengambil gambar’, tetapi ia adalah ‘orang yang membuat patung’. Ia boleh dilihat melalui maksud sebenar (الصورۃ) di dalam

24 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, Op. Cit., hlm. 155.

Lihat juga fatwa Dar al-Ifta’ Arab Saudi, No. 260, 1953, 1978, 2036, 2186, 2358.

25 Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab ‘Adhab al-Musawwirin Yawm al-Qiyamah*, No. Hadis 5950; dan Muslim di dalam *Kitab al-Libas*, No. Hadis 2109.

26 ‘Abd al-Halim Mahmud, *Fatawa al-Imam ‘Abd al-Halim Mahmud* (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, t.t.), Juz. 2, hlm. 247-248.

27 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, Op. Cit., hlm. 155.

Bahasa Arab. Al-Fayyumi<sup>28</sup> dan Ibn Manzur<sup>29</sup> mentakrifkan sebagai patung. Sebahagian salaf pula mentakrifkannya sebagai sesuatu yang mempunyai bayang-bayang. Malah, secara logiknya teknologi penghasilan gambar masih belum wujud pada zaman Nabi SAW. Maka, bagaimana mungkin Nabi SAW melarang sesuatu yang belum wujud pada waktu tersebut. Jadi, larangan Nabi SAW itu adalah pada pembuat patung, bukan orang yang mengambil gambar.<sup>30</sup>

### **Taksub atau fanatisme mazhab**

Bersikap taksub atau fanatik selalunya akan menyebabkan seseorang mempunyai minda tertutup sehingga sukar menerima kebenaran pandangan yang diluar dari yang biasa dipegang. Ia seterusnya akan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk berdebat kerana mempertahankan pandangan yang dipegang, sukar untuk berbincang dan tidak boleh berlapang dada. Dr. Khalid ‘Allal menyebutkan di dalam bukunya, *al-Ta ‘assub al-Madhhabi fi al-Tarikh al-Islami* beberapa fenomena buruk kesan dari sikap fanatisme mazhab. Beliau membahagikan kesan tersebut kepada tiga aspek; aspek kemasyaya’tan, aspek keilmuan dan aspek politik. Fenomena tersebut, di antaranya:

- a. mereka akan menulis buku-buku untuk menolak pendapat pihak lain dan mengkritik dengan sangat pedas.<sup>31</sup>

28 Al-Fayyumi, al-‘Alim al-‘Allamah Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali al-Fayyumi al-Muqrī’, *al-Misbah al-Munir: Mu’jam ‘Arabi-‘Arabi*, (Beirut: Maktabah Lubnan, 1987), hlm. 134.

29 Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, ‘Abdullah ‘Ali al-Kabir et.al., (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, t.t.), Juz. 27, hlm. 2523.

30 Yusuf al-Qaradawi, *Kayfa Nata ‘amal, Op. Cit.*, hlm. 198-200.

31 Contoh buku-buku yang pernah ditulis: *al-Radd ‘ala al-Shafi‘i fi ma Khalafa fihi al-Qur’an*

- b. mereka akan membakar buku-buku penuh lisan pihak yang berbeza pendapat dengan mereka.<sup>32</sup>
- c. bahkan boleh menyebabkan mereka membuat tindakan fizikal seperti memukul, mengancam malah membunuh pihak yang tidak sehaluan dengan mereka.<sup>33</sup>
- d. mereka akan hidup berpecah-pecah dan hanya tinggal bersama kelompok pengikut mazhab yang sama sahaja.<sup>34</sup>

---

oleh al-Qadi Abu Sa‘id bin Ishaq al-Naysaburi al-Hanafi, *al-Radd ‘ala al-Shafi‘i wa Ahl al-Iraq* oleh Muhammad Suhnum al-Maliki dan *al-Mankhul fi Ta‘liq al-Usul* oleh al-Ghazali. Beliau telah menulis satu bab khusus di dalamnya bagi membela Imam al-Shafi‘i dan mengkritik mazhab Hanafi dan Maliki. Manakala nama buku yang diberikan oleh al-Qadi Abu Sa‘id itu seolah-olah menunjukkan bahawa beliau sangat keras dalam mengkritik Imam al-Shafi‘i. Lihat: Khalid Kabir ‘Allal, *al-Ta ‘assub al-Madhhabi fi al-Tarikh al-Islami*, (t.t.p: Dar al-Muhtasib, 1429 H/2008 M), hlm. 95-97.

32 al-Qadi ‘Iyyad bin Musa pernah menyuruh supaya dibakar buku-buku al-Ghazali kerana ia mengandungi perbincangan falsafah yang dilarang oleh ulama’ salaf. Lihat: Shihab al-Din Abi Falalah ‘Abd al-Hayy bin Ahmad bin Muhammad al-‘Akari al-Hanbali al-Dimashqi (Ibn al-‘Ammad), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, ‘Abd al-Qadir al-Arma’ut et.al., (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1406 H/1986 M), Juz. 6, hlm. 227.

33 Inilah apa yang telah berlaku antara mazhab Shi‘ah dan Ahlusunnah Waljamaah (Aswaja) sejak zaman berzaman.

34 Terdapat sebuah kawasan bernama *al-Rayy* di negara Farsi yang mana penduduknya terdiri dari tiga mazhab; mazhab Shi‘ah, Hanafi dan Shafi‘i. Mereka membina penempatan yang berbeda mengikut mazhab masing-masing. Penempatan mazhab Shi‘ah dan Hanafi telah musnah akibat perkelahian antara mereka manakala penempatan mazhab Shafi‘i dimusnahkan oleh tentara Moghul dalam perjalanan mereka ke kota Baghdad. Lihat Shihab al-Din Abi ‘Abdillah Yaqt bin ‘Abdillah al-Hamawi al-Rumi al-Baghdadi, *Mu’jam al-Buldan*, (Beirut: Dar Sadir, 1397 H/1977 M), Juz. 3, hlm. 116-122.

e. mereka akan menghukumkan sesat dan kufur kepada pihak lain yang tidak sehaluan.<sup>35</sup>

Sehubungan dengan hal ini, Dr. Yusuf al-Qaradawi berkomentar:

Pendapat kumpulan ini (al-madrasah al-madh-habiyyah) masih percaya bahawa wajib bera-mal dengan mazhab-mazhab tertentu dan tidak boleh keluar darinya. Bagi mereka, ijihad bagi permasalahan baru mesti dibuat dengan melihat fatwa-fatwa ulama' klasik terdahulu, sikap fanatik mazhab berlaku di kalangan golongan terkemudian (al-muta'akhkhirin). Jika mereka ditanya tentang hukum sesuatu kontrak mu'amalat tertentu yang wujud kini, mereka akan merujuk buku-buku fiqh mazhab. Jika tidak dijumpai perbincangan mengenainya, mereka cenderung engaharamkannya seolah-olah hukum asal bagi kontrak mu'amalat tersebut adalah haram.<sup>36</sup>

Sepatutnya, setiap perbezaan pandangan yang berlaku tidak sampai membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam kerana ia sudah menjadi satu perkara yang hampir tidak boleh dielakkan, khususnya apabila berdepan dengan nas syara' yang bersifat umum. Justeru pemahaman dan penafsiran terhadap kehendaknya akan berbeza-beza berdasarkan tahap keilmuan masing-masing dalam memahaminya<sup>37</sup>. Dalam keadaan seumpama ini lah

maka kehendak hadis Nabi SAW: "Siapa yang membetuli ijihadnya dengan ketepatan syara' maka dia akan mendapat dua pahala dan se-siapa yang salah dia akan mendapat satu pa-hala."<sup>38</sup>

### **Tidak Mengambil Kira Perubahan Sosio-Budaya dan Perkembangan Sains dan Teknologi**

Secara umumnya, sesuatu hukum boleh berubah dengan perubahan masa, tempat dan keadaan. Ia juga boleh berubah dengan pe-rubahan kefahaman terhadap sesuatu perkara. Perkembangan sains dan teknologi yang dicapai hari ini telah memberi input kepada tasawwur yang jelas tentang sesuatu perkara. Sebagai contoh, para fuqaha' klasik dalam menetapkan tempoh maksima bagi setiap kehamilan, mereka telah berbeza pandangan. Antaranya berpendapat tempohnya adalah sembilan bulan,<sup>39</sup> setahun,<sup>40</sup> dua tahun,<sup>41</sup> tiga

---

(Kaherah: Muassasah al-Rayyan, 1428 H/2008 M), hlm. 696.

38 Lihat hadis yang diriwayatkan oleh 'Amru al-'As. Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab al-I'tisam bi al-Sunnah, Bab Ajr al-Hakim Idha Ijtahada fa Asaba aw Akhta'a*, No. Hadis 7352; dan Muslim di dalam *Kitab al-Aqdiyah, Bab Bayan Ajr al-Hakim Idha Ijtahada fa Asaba aw Akhta'a*, No. Hadis 1716. Lihat al-Bukhari, (*Sahih al-Bukhari*), *Op. Cit.*, Juz. 4, hlm. 372; dan Muslim, *Op.Cit.*, hlm. 821.

39 Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm, *al-Muhalla*, Muhammad Munir al-Dimashqi, (ed.), (Kaherah: al-Tiba'ah al-Muniryyah, 1352 H), Juz. 10, hlm. 316.

40 Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran (Tafsir al-Qurtubi)*, 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki *et.al.*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1427 H/2006 M), Juz. 12, hlm. 20.

41 Shams al-Din al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), Juz. 13, hlm. 147; dan 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Kasani al-Hanafi, *Bada'i' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai'*, (Beirut:

35 Seorang ulama bernama al-Hafiz 'Abd al-Ghani al-Maqdisi al-Hanbali telah memilih pendapat salaf dalam isu Sifat Allah SWT, berbeza dengan pendapat yang dipegang oleh mazhab al-Ash'ari. Lalu beliau telah dibawa kepada hakim di Damshiq. Mereka telah berbincang dengan beliau tetapi akhirnya mengkafirkannya al-Hafiz 'Abd al-Ghani. Lihat kisah beliau di dalam; Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi, *Siyar A'lam al-Nubala'*, ed. Bashshar 'Awwad Ma'aruf, *et.al.*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1404 H/1984 M), Juz. 21, hlm. 458-465.

36 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, *Op. Cit.*, hlm. 175.

37 'Ali Ahmad al-Salus, *Mausu'ah al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah wa al-Iqtisad al-Islami*,

tahun,<sup>42</sup> empat tahun,<sup>43</sup> lima tahun,<sup>44</sup> enam tahun,<sup>45</sup> tujuh tahun,<sup>46</sup> dan tiada had yang tertentu.<sup>47</sup>

Dalam memberikan pandangan-pandangan di atas kebanyakan mereka berijtihad berasaskan rumusan yang dibuat terhadap pengalaman individu-individu tertentu yang mengalami kehamilan.<sup>48</sup> Malah Imam Ibn Hazm<sup>49</sup> dan al-Shawkani<sup>50</sup> mengkritik hadis-hadis yang digunakan. Sebahagian ulama' yang lain pula mengatakan jika perbezaan

Dari al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1406 H/1986 M), Juz. 3, hlm. 211;

42 Abi Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi al-Hanbali, *al-Mughni*, 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki dan 'Abd al-Fattah Muhammad al-Halw, (Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, 1417 H/1997 M), Juz. 11, hlm. 233.

43 Shihab al-Din Ahmad bin Idris al-Qarafi, *al-Dhakhira*, Muhammad Bukhubzah, (ed.), (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1994 M), Juz. 4, hlm. 284

44 Pendapat dari 'Abbad bin al-'Awwam dan satu riwayat dari mazhab Maliki. Lihat: Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Juz.11, hlm. 233. dan Abi 'Umar Yusuf bin 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Kafi fi Fiqh Ahl al-Madinah al-Maliki*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413 H/1992 M), hlm. 293-294.

45 Pendapat Imam al-Zuhri dan satu riwayat dari mazhab Maliki. *Ibid.*

46 Rabi'ah dan satu riwayat dari al-Zuhri dan mazhab Maliki. *Ibid.*

47 Pendapat Abu 'Ubaid dan Imam al-Shawkani. Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Op. Cit., Juz 11, hlm. 233;

48 Abi 'Umar Yusuf bin 'Abdullah ibn Muhammad bin 'Abd al-Barr, *al-Istidhkar*, 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji. (Kaherah: Dar al-Qutaybah dan Dar al-Wa'y, 1414 H/1993 M), Juz. 22, hlm. 179.

49 Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Op. Cit., Juz. 10, hlm. 317.

50 Muhammad bin 'Ali al-Shawkani, *al-Sayl al-Jar-rar al-Mudaffiq 'ala Hada'iq al-Azhar*, Mahmud Ibrahim Zayd, (ed.), (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), Juz. 2, hlm. 334.

pendapat seperti ini berlaku, ia perlu dilihat kepada 'uruf. Malah pihak pengamat perubatan sendiri tidak akan mengambil risiko membiarkan kandungan lebih dari sepuluh bulan.

Hal ini sangat perlu diberikan perhatian bagi memastikan keputusan hukum yang dibuat oleh para ulamak relevan dengan data-data perubatan. Jika tidak, maka keputusan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahmad Kan'aan bahawa terdapat sebahagian *qadi* yang langsung tidak mengambil kira perkembangan yang dicapai dalam dunia sains perubatan sewaktu menjatuhkan hukuman sehingga beliau masih menerima pakai tempoh maksima kehamilan yang disebutkan oleh fuqaha' klasik. Sebagai contoh, pada tarikh 29 Jamad al-Akhir 1362H, seorang *qadi* di Mekkah al-Mukarramah bernama 'Abd al-Qadir 'Alawi telah menasabkan anak seorang perempuan bernama Khadijah kepada bekas suaminya selepas empat tahun mereka bercerai. Begitu juga dengan adik perempuannya. Beliau telah menasabkan anaknya kepada suaminya yang telah meninggal lebih lima tahun<sup>51</sup>.

### **Pendekatan "Mengambil yang Ringan dan Mudah"**

Pendekatan *taysir* mempermudah fatwa hukum kepada masyara'at awam antara yang sering disebutkan oleh para ulamak kontemporari. Fenomena masyara'at islam hari ini yang berdepan dengan fahaman kebendaan, penjagaan kepentingan diri, kerosakan akhlak, kejahatan yang berleluasa dan kebaikan yang sangat susah untuk dilakukan, maka berpegang kepada agama menjadi perkara yang sangat sukar. Ia umpama menggenggam bara api yang panas.

51 Ahmad Kan'an, *Mawsu'ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*, Op. Cit., hlm. 339.

Justeru, bagi meraikan semua keadaan ini berdasarkan prinsip memudahkan, terdapat sebahagian ulama yang berlebihan dalam mengambil pendekatan ini dengan menggunakan semua pendapat ulamak dan beramat dengan mana-mana ijtihad yang pernah wujud dalam peroalan yang difatwakan tanpa melihat kepada ketepatan dalil dan cara penghujahan yang digunakan<sup>52</sup>. Pendekatan mengambil mudah dan longgar ini turut diperaktikkan golongan liberal dalam penentuan hukum Islam semasa.

Faktor yang menyebabkan timbulnya pendekatan mengambil ringan dan mudah, adalah:

### **1. Berlebihan dalam Menggunakan Maslahah Walaupun Bertentangan dengan Nass (Neo-rasionalis/ Muktazilah)**

Maslahah yang digunakan dalam menentukan hukum syara' bukanlah satu dalil yang terasing dan berdiri sendiri, namun ia merupakan gabungan dalil-dalil terpencil (*al-Adillah al-Juz'iyyah al-Tafsiliyyah*) dari al-Quran dan al-Sunnah yang dirumuskan bagi menjaga lima maqasid utama. Oleh yang demikian, adalah mustahil berlakunya pertentangan antara maslahah dan nass<sup>53</sup>. Ini kerana, menurut para ulama' untuk berpegang kepada maslahah dalam penentuan hukum, maka hendaklah dipastikan maslahah dan nass adalah selari, maslahah tersebut juga adalah suatu yang diyakini berlaku secara pasti atau dengan kebarangkalian yang besar (*ghalabah al-zan*). Jika tidak, hujah maslahah tidak boleh digunakan<sup>54</sup>

52 Musfir bin 'Ali al-Qahtani, *Manahij al-Futuya*, *Op. Cit.*, hlm. 45.

53 Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t.), hlm. 129-130, dan hlm. 161-162.

54 Musfir bin 'Ali al-Qahtani, *Manahij al-Futuya*,

melainkan pendapat dari al-Tufi yang mendahulukan maslahah berbanding dengan nass.<sup>55</sup>

Dr. Yusuf al-Qaradawi menggelarkan golongan yang terlalu berpegang dengan maslahah walaupun boleh membawa pertentangan dengan nass sebagai *al-Madrasah al-Tufiyyah*, yang mana ia disandarkan kepada pendapat al-Tufi<sup>56</sup>. Menurut beliau, golongan ini kebanyakannya bukanlah dari orang yang berlatarbelakangkan pengajian syariah, sebagainya.<sup>57</sup>

Contoh penggunaan maslahah yang berlebihan adalah pendapat yang mengharuskan bunga bank walaupun secara terang-terangan ia adalah riba yang diharamkan oleh nass dan *ijma'*<sup>58</sup>. Menurut mereka, ekonomi adalah keperluan hidup, bank adalah sumber kekuatan ekonomi, bank mendapat keuntungan dari bunga yang dikenakan, maka pendapat yang mengharamkan bunga bank perlu dilihat semula kerana ia melibatkan maslahah sesuatu masyara'at dan negara. Malah, kehidupan pada hari ini sudah tidak boleh dipisahkan dari riba sehingga ia menjadi satu intipati dalam ekonomi. Maka, dengan menggunakan kaedah (الضرورات تبيح المحظورات), mereka membenarkan bunga bank<sup>59</sup>.

Mereka juga menggunakan beberapa ayat al-Qur'an sebagai hujah, namun aspek

*Op. Cit.*, hlm. 46.

55 Yusuf al-Qaradawi, *al-Siyasah al-Shari'iyah fi Daw' Nusus al-Shari'ah wa Maqasidiha*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1429 H/2008 M), hlm. 245-261.

56 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, *Op. Cit.*, hlm. 176.

57 *Ibid.*

58 Lihat 'Ali al-Salus, *Mawsu'ah al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah wa al-Iqtisad al-Islami*, (Beirut, Qatar, Kaherah: Muassasah al-Rayyan, Dar al-Thaqafah, Maktabah al-Tirmidhi dan Maktabah Dar al-Qur'an, 1428 H/2008 M), hlm. 215-305.

59 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, *Op. Cit.*, hlm. 159-160.

penghujahan mereka tidak tepat. Antaranya, surah Ali ‘Imran, ayat 130. Perkataan “secara berlipat kali ganda” (*أضعافاً مضاعفة*) dalam ayat ini menunjukkan pengharaman riba hanyalah pada riba yang melampau dan menindas. Tetapi, jika riba dikenakan pada kadar yang rendah, maka ia dibenarkan<sup>60</sup>.

### **2. Mengambil Hukum Keringanan (*Rukhsah*) dan Prinsip *Talfiq* antara Aazhab**

Keringanan (*rukhsah*) atas sebab-sebab tertentu merupakan perkara yang diharuskan oleh syara’, sehingga umat Islam diberi pilihan sama ada memilih hukum keringanan atau terus berpegang dengan hukum asal (*‘azimah*). Nabi SAW ada menyebutkan:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تَؤْتَى رِحْصَةٍ كَمَا يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى عَزَائِمَهُ

Sesungguhnya Allah SWT suka hambaNya mengambil keringanan) rukhsah (sebagaimana Dia juga suka hambaNya melakukan yang berrat’) azimah – hukum asal<sup>61</sup>.

Dalam konteks ini, sikap untuk sengaja memilih pendapat-pendapat yang ringan dalam perkara ijtihadi tanpa sebarang justifikasi kukuh dan berpindah-pindah dari satu mazhab kepada mazhab yang lain dengan hasrat mencari pendapat yang ringan, adalah satu perkara yang tidak disukai oleh para ulama.<sup>62</sup> Malah, terdapat sebahagian ulama’ yang mengharamkannya.<sup>63</sup> Dalam mengulas isu ini, al-Shatibi

pula menyebutkan beberapa kesan buruk dari sikap sengaja memilih keringanan,<sup>64</sup> sebagai bukti beliau turut melihat ia suatu pendekatan yang tidak wajar

Walaupun perkara ini masih menjadi perselisihan dalam kalangan para ulama’, namun pihak yang mengharuskannya masih meletakkan syarat ia mestilah bukan dengan tujuan untuk memenuhi kehendak nafsu<sup>65</sup>. Diriwayatkan juga dari Imam Ahmad bin Hanbal bahawa beliau telah menghukumkan fasiq kepada sesiapa yang sengaja beramal dengan setiap perkara *rukhsah*.<sup>66</sup> Kebanyakan pihak yang menggunakan pendekatan *taysir* dalam fatwa mereka melalui kaedah *tatabbu’ al-rukhas*, biasanya akan membawa kepada memilih pendapat yang berasaskan kehendaknya sahaja.<sup>67</sup>

### **3. Tunduk kepada Realitas Secara Berlebihan**

Faktor tunduk kepada realiti yang ada dalam perbincangan ini boleh berlaku dalam dua bentuk, pertamanya realiti kehendak masyara’at umum dan kedua, realiti kehendak pemerintah. Mereka akan coba mencari jalan untuk membolehkan kehendak masyara’at umum dan pemerintah dengan mencari dalil-dalil yang bersesuaian. Al-Qaradawi telah menyebutkan beberapa punca mereka tunduk kepada

64 Lihat Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, ed. Abu Ubaydah Mash-hur bin Hasan Ali Sulayman, (al-Khubar: Dar Ibn ‘Affan), 1417 H/1997 M, Juz. 5, hlm. 102-103.

65 al-Laknawi, *Fawatih al-Rahamut*, *Op.Cit.*, Juz. 2, hlm. 438.

66 Badr al-Din Muhammad bin Bahadir bin ‘Abdullah al-Shafi’i (al-Zarkashi), *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, ‘Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (ed.) (Dar al-Safwah: Kaherah, 1413 H/1992 M), Juz. 6, hlm. 325.

67 Musfir bin ‘Ali al-Qahtani, *Manahij al-Futuya*, *Op.Cit.*, hlm. 51.

60 *Ibid.*

61 *Ibid.*

62 Jalal al-Din al-Mahalli menyebutkan bahawa pendapat yang lebih tepat adalah sikap sengaja memilih pendapat-pendapat yang ringan adalah dilarang. Lihat al-Bannani, *Hashiyah al-‘Allamah al-Bannani*, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), Juz. 2, hlm. 400.

63 Abi ‘Amr ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman (Ibn al-Salah al-Shahrazuri), *Adab al-Mufti wa al-Musttafi*, (Kaherah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam), 1407 H/1986 M, hlm. 111-112.

reality, antaranya:<sup>68</sup>

Pertama, mereka yang melakukannya secara sukarela tanpa mengharapkan balasan daripada sesiapa namun akibat terpengaruh dengan falsafah dan pemikiran barat. Kedua, mereka yang melakukannya kerana memenuhi kehendak golongan penguasa. Ketiga, mereka yang melakukannya kerana mengejar kemasyhuran dengan mengambil pendekatan, ‘jika engkau berbeza dari orang lain, maka engkau akan mendapat publisiti meluas.’<sup>69</sup>

#### 4. Menggunakan helah fiqh (*Tahayul Fiqhi*) terhadap Perintah Syara’

Pendekatan menggunakan helah fiqh dengan tujuan yang tidak murni sehingga boleh membawa kepada perbuatan menghalalkan perkara yang diharamkan adalah dilarang dengan jelas oleh Nabi SAW menerusi hadithnya:

لَا ترتكبوا مَا ارتكبَ الْيُهُودُ ، فَتَسْتَحْلِوا مَحَارِمَ اللَّهِ بِأَدْنِي  
الْحِلِّ

Janganlah kamu melakukan apa yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi ,mereka telah menghalalkan perkara yang telah diharamkan oleh Allah dengan menggunakan helah<sup>70</sup>.

Menangani isu penggunaan helah fiqh untuk beramal, Ibn al-Qayyim pernah menyebutkan:

Tidak boleh bagi seseorang mufti menggunakan helah yang haram atau makruh, atau menggunakan *rukhsah* yang memberikan

68 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, Op. Cit., hlm. 177.

69 خَالِفُ تَعْرِفَ [ ]

70 Diriwayatkan oleh Ibn Battah dengan *sanad* yang sahih. Ibn al-Qayyim mengatakan hadis telah disahihkan oleh al-Tirmidhi. Lihat: Abi al-Tayyib

Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim Abadi, ‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud ma‘a Sharh al-Hafiz Ibn Qayyim al-Jawziyyah, ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman, (ed.), (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1388 H/1969 M), Juz. 9, hlm. 340.

manfaat kepada dirinya. Jika dia melakukan demikian, maka dia menjadi fasiq dan haram baginya mengeluarkan fatwa. Jika dia menggunakan helah pada perkara yang harus, tia-dia kesamaran atau *mafsadah*, contohnya dia ingin menyelamatkan orang yang bertanya (*al-mustafti*) dari sebarang kesulitan, maka ia diharuskan. Allah SWT telah memberikan contoh dengan peristiwa ke atas Nabi-nya, Ayyub As bagi menebus sumpahnya dengan memukul menggunakan segumpal lidi dengan sekali pukulan. Nabi SAW juga telah mengajar Bilal supaya menjual buah tamar dengan satu dirham dan kemudian dia membeli buah tamar lain dengan nilai yang lain bagi mengelak berlakunya riba. Jika ia digunakan untuk mengelakkan dosa, maka ia dibenarkan, tetapi jika ia boleh membawa kepada perkara haram atau mengelakkan taklifan syara’, maka ia adalah sangat buruk.<sup>71</sup>

Al-Qarafi pula berkata:

Tidak sepatutnya seorang mufti jika dia berdepan dengan satu permasalahan yang mempunyai dua pendapat, satu pendapat yang keras dan satu lagi pendapat yang ringan: Lalu dia berfatwa kepada masyarakat umum dengan pendapat yang keras mana kala bagi kepada pihak pemerintah dia menggunakan pendapat yang ringan.<sup>72</sup>

Perkara ini boleh membawanya kepada fasiq, mengkhianati agama dan bermain-main dengannya. Ia juga adalah tanda bahawa hat-

71 Abi ‘Abdullah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub (Ibn Qayyim al-Jawziyyah), *I‘lam al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Alamin*, Abu ‘Ubaydah Mashhur Hasan Ali Sulayman et.al., (al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi, 1423 H), Juz. 6, hlm. 142.

72 Shihab al-Din Abi al-‘Abbas Ahmad bin Idris al-Misri al-Maliki (al-Qarafi), *al-Ihkam fi Tamyiz al-Fatawa ‘an al-Ahkam wa Tasarrufat al-Qadi wa al-Imam*, ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, (ed.), (Beirut: Dar al-Basha’ir, 1416 H/1995 M), hlm. 250.

inya kosong dari mengagungkan Allah SWT, tetapi ia dipenuhi dengan sambil lewa, suka-kan pangkat dan lebih mencari reda makhluk berbanding Pencipta makhluk. Kita berlindung dari Allah SWT dari sifat-sifat orang yang lalai.<sup>73</sup>

### Pendekatan *Wasatiyyah*

Islam adalah agama yang terbina di atas prinsip *wasatiyyah*, yang bermaksud seimbang dan sederhana antara dua keadaan yang berbeza (*tashdid* dan *tasahul*). Yang dimaksudkan dengan seimbang adalah dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya, tanpa berlebih atau berkurang.<sup>74</sup> al-Shatibi menyebutkan bahawa seorang mufti yang bijaksana akan membawa manusia kepada pendekatan *wasatiyyah* seperti yang dibawa oleh majority ulama', bukannya membawa mereka kepada pendekatan yang keras atau terlalu memudahkan.<sup>75</sup> Menurut beliau, pendekatan yang keras akan menjadikan manusia menjauhi agama, manakala pendekatan yang terlalu memudahkan pula akan menjadikan manusia mudah mengikut hawa nafsu.<sup>76</sup>

Antara kelebihan yang boleh diperolehi dari pendekatan *wasatiyyah* ini adalah ia boleh membawa keamanan, kekuatan dan kesatuan kepada manusia<sup>77</sup>. Nabi SAW sendiri dalam banyak keadaan, sangat menggalakkan para sahabat untuk mengambil pendekatan *wasatiyyah*. Antaranya, beliau pernah melarang para sahabat dari membujang seumur hidup

<sup>73</sup> *Ibid.*

<sup>74</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Kalimat fī al-Wasatiyyah al-Islamiyyah wa Ma 'alimuhā*, (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2011 M), hlm.13.

<sup>75</sup> al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, *Op. Cit.*, Juz 5, hlm. 276.

<sup>76</sup> *Ibid.*, hlm. 277-278.

<sup>77</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Kalimat fī al-Wasatiyyah*, *Op. Cit.*, hlm. 18-19.

(*tabattul*)<sup>78</sup> dan menegur Muaz bin Jabal kerana bersolat terlalu panjang ketika menjadi imam di suatu perkampungan<sup>79</sup>. Malah, beliau pernah bersabda:

وَإِنْ أَحَبَ الْأَعْمَالَ إِلَى اللَّهِ مَا دَوَّمَ عَلَيْهِ وَإِنْ قُلْ

Amalan yang paling disukai oleh Allah SWT adalah amalan yang dilakukan secara berterusan walaupun ia sedikit<sup>80</sup>.

Dalam hal ini al-Qaradawi menyebutkan, lima aspek utama yang menjadi bukti Islam merupakan agama yang berpegang dengan pendekatan *wasatiyyah* pada hal yang menyentuh aspek, yaitu:<sup>81</sup>

1. Akidah atau kepercayaan (*i'tiqad*), seperti *wasatiyyah* antara pihak yang beriman dan menyembah 'tuhan' tanpa hujah, dengan golongan ateis yang langsung tidak mengimani kewujudan tuhan.
2. Ibadah, seperti *wasatiyyah* antara agama yang hanya fokus pada akhlak, hubungan sesama manusia dan mengabaikan ibadah kepada tuhan, dengan agama yang hanya

<sup>78</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab al-Nikah, Bab al-Taghib fi al-Nikah*, No. Hadis 5063; dan Muslim di dalam *Kitab al-Nikah, Bab Istihbab al-Nikah liman Taqat Nafsuhi Ilayhi wa Wajada Mu'nah*, No. Hadis 1401. Lihat Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadis Rasul-lillah SAW wa Sunanahi wa Ayyamihī*, Muhib al-Din al-Khatib, *et.al.*, (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, 1400 H), Juz 3, hlm. 35.

<sup>79</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab al-Adhan, Bab Idha Tawwala al-Imam wa Kana li al-Rajul Hajah fa Kharaja fa Salla*, No. Hadis 700 dan 701; dan Muslim di dalam *Kitab al-Salah, Bab al-Qira'ah fī al-'Isha'*, No. Hadis 465.

<sup>80</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim di dalam *Kitab Salah al-Musafirinwa Qasruha, Bab al-Qira'ah fi al-'Isha'*, No. Hadis 782. Lihat: Muslim, *Op. Cit.*, hlm. 353-354.

<sup>81</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Kalimat fī al-Wasatiyyah*, *Op. Cit.*, hlm. 20-30.

- fokus kepada ibadah dan mengabaikan keperluan kemanusiaan.
3. Akhlak, seperti *wasatiyyah* antara agama yang menganggap manusia sebagai malai-kat dan meletakkan undang-undang yang tidak logik, dengan pihak yang menganggap manusia seperti binatang dan boleh melakukan apa sahaja.
  4. Pensyariatan (*tashri'*), seperti *wasatiyyah* antara syari'at agama Yahudi dengan Nasrani.
  5. Seimbang antara individu dan kumpulan (*jama'ah*), seperti *wasatiyyah* antara kebebasan individu dengan *maslahah masyara'at*.

Justru, pendekatan *wasatiyyah* adalah satu pendekatan yang mentafsirkan kehendak nass syara' dalam kerangka meraikan prinsip maqasid shari'ah, mengambil pendekatan yang tidak menyebabkan berlakunya pertentangan antara dalil *kulli* dengan *juz'i*, meraih keperluan manusia dengan syarat ia tidak bertentangan dengan nass atau kaedah-kaedah fiqh. Ia juga menggabungkan antara ketetapan (*muhkamat*) syara' dengan keperluan pere-daran masa<sup>82</sup>.

Sebagai contoh, agama Yahudi terlalu berlebihan dalam mengharamkan sesuatu sehingga perkara haram menjadi sesuatu yang dominan dalam agama mereka. Ada di antara perkara tersebut yang memang telah diharamkan oleh Allah SWT, tetapi ada juga perkara yang memang mereka haramkan untuk diri mereka sendiri. Hal ini boleh dilihat dalam surah al-Nisa', ayat 160: "Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan

Allah".

Bagi agama Nasrani pula, mereka berkelakuan sebaliknya dengan mengharuskan kebanyakan perkara, khususnya perkara-perkara yang pernah diharamkan kepada mereka di dalam Kitab Taurat, sedangkan Kitab Injil secara jelas menyatakan ia diturunkan sebagai pelengkap kepada Taurat, bukan memansuhkannya.

Islam pula berada di tengah-tengah dan menjadikan kuasa untuk menentukan halal dan haram bukan pada tangan manusia, tetapi ia hanya miliki mutlak Allah SWT. Dalam urusan kekeluargaan sebagai contoh, Islam tidak menghalang perkahwinan secara mutlak, dan tidak juga mengharuskan poligami tanpa sebarang had. Ia hanya diharuskan bagi sesiapa yang yakin mampu berlaku adil kepada pasangan-pasangannya. Begitu juga dengan penceraian di mana Islam tidak menghalang terus penceraian, dan tidak juga mengharuskan penceraian tanpa sebab. Malah, hukum perkahwinan dan penceraian boleh berubah berdasarkan keadaan seseorang, selari dengan *maqasid* pensyariatannya.

## Penutup

Islam meraikan kepelbagaian pandangan ulama dalam berinteraksi dengan hukum semasa, khususnya yang terhasil daripada kepesatan kemajuan sains dan teknologi dan juga perubahan sosio-budaya masyarakat. Namun kepelbagaian ini perlu berpaksikan kepada asas istidlal dan istinbat yang kukuh. Justru, antara pendekatan yang ketat berwajahkan literalis dan pendekatan longgar yang dipelepori oleh golongan liberalis, pendekatan *wasatiyyah* merupakan paksi dan asas utama dalam penentuan hukum atau berfatwa. Dengan pendekatan ini, risiko ketergelinciran fatwa dan serta penentangan terhadap autoriti fatwa da-

82 Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad*, Op. Cit., hlm. 177.

pat diminimumkan dan fatwa sebagai pandangan hukum yang berautoriti dapat dipertahankan.

## Bibliography

- ‘Abd al-‘Ali Muhammad bin Nizam al-Din Muhammad al-Sahalawi al-Ansari al-Laknawi, *Fawatih al-Rahamut bi Sharh Musallam al-Thubut*, ed. ‘Abdullah Mahmud Muhammad ‘Umar, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.
- ‘Abd al-Halim Mahmud, *Fatawa al-Imam ‘Abd al-Halim Mahmud*, Kaherah: Dar al-Ma‘arif, t.t.
- ‘Ala’ al-Din ‘Ali bin Balban al-Farisi, *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*, ed. Shu‘ayb al-Arnaut, Cet. 2, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1993.
- ‘Ala’ al-Din Abi Bakr bin Mas‘ud al-Kasani al-Hanafi, *Badai‘ al-Sanai‘ fi Tartib al-Sharai‘*, Cet. 2, Beirut: Dari al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986.
- ‘Ali al-Salus, *Mawsu‘ah al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu‘asirah wa al-Iqtisad al-Islami*, Cet. 11, Beirut, Qatar, Kaherah: Mu’assasah al-Rayyan, Dar al-Thaqafah, Maktabah al-Tirmidhi dan Maktabah Dar al-Qur’an, 2008.
- Abi ‘Abdillah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I‘lam al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Alamin*, Abu ‘Ubaydah Mashhur bin Hasan Ali Sulayman et. al., (ed), Dammam: Dar Ibn Jawzi, 1423H.
- Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an (Tafsir al-Qurtubi)*, ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki et.al., (ed), Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abi ‘Abdillah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, *al-Jami‘ al-Sahih al-Musnad min Hadis Rasulillah SAW wa Sunanibni wa Ayyamih (Sahih al-Bukhari)*, Muhibb al-Din al-Khatib et.al., (ed), Kaherah: al-Matba‘ah al-Salafiyah, 1403H.
- Abi ‘Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qazwini Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Muhammad Nasir al-Din al-Albani, (ed), Riyad: Maktabah al-Ma‘arif, 1417H.
- Abi ‘Abdullah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I‘lam al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Alamin*, Abu ‘Ubaydah Mashhur Hasan Ali Sulayman et.al., (ed), al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi, 1423H.
- Abi ‘Amr ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman (Ibn al-Salah al-Shahrazuri), *Adab al-Mufti wa al-Mustafti*, Muwaffiq bin ‘Abdullah bin ‘Abd al-Qadir, (ed), Kaherah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, 1986.
- Abi ‘Umar Yusuf bin ‘Abdullah bin Muhammad bin ‘Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Kafi fi Fiqh Ahl al-Madinah al-Maliki*, cet. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992.
- Abi ‘Umar Yusuf bin ‘Abdullah ibn Muhammad bin ‘Abd al-Barr, *al-Istidhkar*, ‘Abd al-Mu‘ti Amin Qal‘aji, Beirut dan Kaherah: Dar al-Qutaybah dan Dar al-Wa‘y, 1993.
- Abi al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardī al-Basri, *al-Hawi al-Kabir fi fiqh Madhab al-Imam al-Shafī‘i*, ‘Ali Muhammad Mu‘awwad dan ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud, (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ila Rasulillah SAW (Sahih Muslim)*, (ed), Abu Qutaybah Nazr Muhammad al-Fariyabi, Riyad: Dar Tayyibah, 2006.
- Abi al-Husayn Yahya bin Abi al-Khayr bin

- Salim al-'Imrani al-Shafi'i al-Yamani, Beirut: Dar al-Minhaj, 2001.
- Abi al-Tayyib Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi, 'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud ma'a Sharh al-Hafiz Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Cet. 2, 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman, (ed), Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1969.
- Abi Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, Cet. 3, Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata, (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Shatibi, al-Muwafaqat, Abu 'Ubayah Mashhur bin Hasan Ali Sulayman, (ed), al-Khubar: Dar Ibn 'Affan, 1997.
- Abi Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi al-Hanbali, al-Mughni, 'Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki dan 'Abd al-Fattah Muhammad al-Halw, Cet. 3, Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, 1997.
- Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm, al-Muhalla, Muhammad Munir al-Dimashqi, (ed), Kaherah: al-Tiba'ah al-Muniriyah, 1352H.
- Abi Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawi al-Dimashqi, Rawdah al-Talibin, Cet. khas, 'Ali Muhammad Mu'awwad dan 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, (ed), Beirut: Dar 'Alam al-Kutub, 2003.
- Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Ibn Ahmad bin Rushd al-Qurtubi al-Andalusi, Sharh Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid, 'Abdullah al-'Abbadi, (ed), Kaherah: Dar al-Salam, 1995.
- Ahmad bin 'Abd al-Razzaq al-Duwaysh (ed), Fatawa al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta', Riyad: Dar al-Mu'ayyid, 1424H.
- Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari, 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamid, (ed), Riyad: t.p., 2001,
- Ahmad bin Hamdan al-Harrani al-Hanbali, Sifah al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Musttafi, Muhammad Nasir al-Din al-Albani, (ed), Damsyiq: al-Maktab al-Islami, 1380H.
- al-Bannani, Hashiyah al-'Allamah al-Bannani, Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Al-Fayyumi, al-'Alim al-'Allamah Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Fayyumi al-Muqrī, al-Misbah al-Munir: Mu'jam 'Arabi-'Arabi, Beirut: Maktabah Lubnan, 1987.
- Al-Hafiz Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Muhammad Nasir al-Din al-Albani, (ed), Riyad: Maktabah al-Ma'arif, 1417H.
- Badr al-Din Muhammad bin Bahadir bin 'Abdullah al-Shafi'i al-Zarkashi, al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh, Cet. 2, 'Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (ed), Dar al-Safwah: Kaherah, 1992
- Badr al-Din Muhammad bin Bahadir bin 'Abdullah al-Shafi'i, al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh, Cet. 2, Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (ed), Kaherah: Dar al-Safwah, 1992.
- Baha' al-Din 'Abd al-Rahman bin Ibrahim al-Maqdisi, al-'Uddah Sharh al-'Umdah, Khalid Muhammad Muhamram, (ed), Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, 1997.
- Ibn 'Abidin, Radd al-Muhtar fi al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar, Cet. khas, 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud dan 'Ali Muhammad Mu'awwad, (ed), Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, 2003.
- Ibn Manzur, Lisan al-'Arab, 'Abdullah 'Ali al-Kabir et.al., (ed), Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.
- Kementerian Wakaf Kuwait, Mawsu'ah al-

- Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, Kuwait: Dar al-Safwah, 1995
- Khalid Kabir ‘Allal, *al-Ta‘assub al-Madhabī fi al-Tarikh al-Islami*, Dar al-Muhtasib, 2008.
- Mansur bin Yunus al-Buhuti, *al-Rawd al-Murabba ‘Sharh Zad al-Mustaqna’*, Muhammad bin Salih al-‘Uthaimin et.al., (ed), Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t.
- Muhammad al-Zuhayli, *Tanzim al-Fatwa: Ahkamuhu wa Aliyatuhu*, t.t.p, t.t.
- Muhammad bin ‘Ali al-Shawkani, *al-Sayl al-Jarrar al-Mudaffiq ‘ala Hada’iq al-Azhar*, Mahmud Ibrahim Zayd, (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Shawkani, *Fath al-Qadir*; Yusuf al-Ghush, (ed), Beirut: Dar al-Ma‘rifah, cet. 4, 2007.
- Muhammad Mustafa al-Zuhayli, *al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Madhabib al-Arbi‘ah*, Damshiq: Dar al-Fikr, cet. 3, 2009.
- Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti, *Dawabit al-Maslaha fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t.
- Shams al-Din Abi ‘Abdillah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub al-Mashhur bi Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zad al-Ma‘ad fi Hady Khair al-‘Ibad*, Shu‘aib al-Arnau‘ut dan ‘Abd al-Qadir al-Arnau‘ut, (ed), Beirut: Muassasah al-Risalah, 2010.
- Shams al-Din al-Sarakhsy, *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, t.t.
- Shams al-Din Muhammad ‘Arafah al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi ‘ala al-Sharh al-Kabir*, Kaherah: Maktabah ‘Isa al-Babi al-Halabi, t.t.
- Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi, *Siyar A‘lam al-Nubala’*, Bashshar ‘Awwad Ma‘aruf, et.al, (ed), Beirut: Muassasah al-Risalah, 1984.
- Shihab al-Din Abi ‘Abdillah Yaqtūn bin ‘Abdillah al-Hamawi al-Rumi al-Baghdadi, *Mu‘jam al-Buldan*, Beirut: Dar Sadir, 1977.
- Shihab al-Din Abi al-‘Abbas Ahmad bin Idris al-Misri al-Maliki al-Qarafi, *al-Ihkam fi Tamayiz al-Fatawa ‘an al-Ahkam wa Tasarrufat al-Qadi wa al-Imam*, Cet. 2, ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, (ed), Beirut: Dar al-Basha’ir, 1995.
- Shihab al-Din Ahmad bin Idris al-Qarafi, *al-Dhakhira*, Muhammad Bukhubzah, (ed), Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1994.
- Shihab al-Din Abi Fallah ‘Abd al-Hayy bin Ahmad bin Muhammad al-‘Akari al-Hanbali al-Dimashqi (Ibn al-‘Ammad), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, ‘Abd al-Qadir al-Arnau‘ut, et.al.,(ed), Beirut: Dar Ibn Kathir, 1986.
- Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakah*, Cet. 2, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1973.
- \_\_\_\_\_, *al-Fatwa: Bayn al-Indibat wa al-Tasayyub*, Kaherah: Dar al-Sahwah, 1988.
- \_\_\_\_\_, *al-Ijtihad fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah ma‘a Nazarat Tahliliyyah fi al-Ijtihad al-Mu‘asir*, Kuwait: Dar al-Qalam, 1996.
- \_\_\_\_\_, *Kayfa Nata‘amal ma‘a al-Sunnah*, Cet. 5, Kaherah: Dar al-Shuruq, 2008.
- \_\_\_\_\_, *al-Siyasah al-Shari‘iyah fi Daw’ Nusus al-Shari‘ah wa Maqasidiha*, Cet. 3, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2008.
- \_\_\_\_\_, *Kalimat fi al-Wasatiyyah al-Islamiyyah wa Ma‘alimuha*, Cet. 3, Kaherah: Dar al-Shuruq, 2011.